

**BAB 4: METODOLOGI TAFSIR AYAT-AYAT HUKUM OLEH  
AL-KHAṬĪB AL-SHIRBĪNĪ DALAM KITAB *AL-SIRĀJ AL-MUNĪR* (KAJIAN  
TERHADAP SURAH AL-NŪR)**

**4.1 Pendahuluan**

Fokus yang paling penting dalam bab ini ialah perbincangan mengenai metodologi al-Khaṭīb al-Shirbīnī terhadap ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Beberapa metode pentafsiran beliau telah dikenalpasti ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum iaitu merangkumi pentafsiran bersumberkan *al-Ma'thūr* dan *al-Ra'ý*, pentafsiran berdasarkan aspek pengajian al-Quran dan perbincangan hukum fiqh.

**4.2 Metode Pentafsiran al-Khaṭīb al-Shirbīnī Terhadap Ayat-ayat Hukum**

Penulis akan mengkaji cara al-Khaṭīb al-Shirbīnī mentafsirkan ayat hukum dalam surah al-Nūr, dengan erti kata lain iaitu bagaimana beliau menyampaikan maksud yang ada pada ayat-ayat tersebut. Mungkinkah beliau mengemukakan tafsiran atau ideanya sendiri atau beliau mengemukakan pendapat-pendapat daripada ulamak-ulamak lain. Oleh itu penulis cuba untuk menghuraikan satu persatu tafsiran yang telah dikemukakan oleh beliau dan seterusnya mengkategorikan tafsiran beliau. Antara metode tafsiran beliau ialah:

4.2.1 Pentafsiran berdasarkan sumber *al-Ma'thūr*

Pentafsiran berdasarkan sumber *al-Ma'thūr* lebih dikenali sebagai *tafsīr bi al-Ma'thūr* atau nama lainnya *tafsīr al-Riwāyat* atau *tafsīr al-Naqlī*. Tafsir ini

menggunakan *athar* yang dinukilkan terus dari Rasulullah s.a.w.<sup>174</sup> Dalam kitab *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Ibn Kathīr menyebut bahawa cara yang paling baik dalam mentafsir al-Quran ialah tafsir al-Quran dengan al-Quran, kemudian dengan hadis, kemudian dengan pendapat sahabat kerana mereka mempunyai kefahaman, benar, mempunyai ilmu yang sahih dan mereka beramal saleh, kemudian barulah pendapat tabi'īn.<sup>175</sup>

Menurut Imam al-Dhahabī, tafsir *al-Ma'thūr* meliputi apa yang ditafsirkan oleh ayat al-Quran itu sendiri, tafsiran yang dinukilkan daripada Rasulullah s.a.w, tafsiran yang dinukilkan daripada para sahabat dan tafsiran yang dinukilkan daripada para tabi'īn . Walaupun terdapat khilaf sama ada tafsiran yang dinukilkan daripada para tabi'īn termasuk dalam kategori ini atau termasuk sebagai tafsir *al-Ra'y*, Imam al-Dhahabī membawa hujah bahawa kitab tafsir Ibn Jarīr al-Tabarī yang dikategorikan sebagai kitab tafsir *al-Ma'thūr* telah memasukkan kata-kata tabi'īn sebagai salah satu sumber tafsir *al-Ma'thūr*.<sup>176</sup>

Bersandarkan keterangan di atas, penulis membahagikan pentafsiran berdasarkan sumber *al-Ma'thūr* yang digunapakai oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr kepada empat iaitu:

---

<sup>174</sup> Hasbi AshShiddieqy (1972), *Sejarah dan Pengantar Ilmu al-Quran/Tafsir*, c.5, Djakarta : Penerbit Bulan Bintang, h. 207.

<sup>175</sup> Ibn Kathīr (1992), *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, j.1, T.T.P. : Maktab Dār al-Salām, h. 4-6.

<sup>176</sup> Dr. Muhammad Husayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, h. 163.

a) Pentafsiran bersumberkan al-Quran

Pentafsiran bersumberkan al-Quran tidak banyak digunapakai oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī iaitu hanya ada dua ayat yang ditafsirkan menggunakan ayat al-Quran. Tiga ayat tersebut ialah:

i- Sebahagian ayat 2 surah al-Nūr yang berbunyi:

الرَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِئَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ  
بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيْشَهَدَ  
عَذَابُهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Surah al-Nūr (24): 2

Melalui ayat di atas, al-Khaṭīb al-Shirbīnī mentafsirkan bahawa zina adalah dosa besar. Kemudian beliau membawa ayat al-Quran yang lain untuk menyokong ayat di atas iaitu ayat 68 surah al-Furqān dan ayat 32 surah al-Isrā' yang berbunyi:

... وَلَا يَزْنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا

Surah al-Furqān (25): 6

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّانِيَ إِنَّمَا كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Surah al-Isrā' (17) : 32

ii- Ayat 15 surah al-Nūr yang berbunyi:

إِذْ تَلَقَوْهُ بِالسِّنْتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُمْ مَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ  
وَتَحْسَبُونَهُ هَيِّنًا وَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمٌ

Kalimah (بِأَفْوَاهِكُمْ) dalam ayat di atas telah ditafsir oleh ayat 167

surah Ali 'Imrān yang berbunyi: (... يَقُولُونَ بِأَفْوَاهِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ ).

iii- Ayat 32 surah al-Nūr yang berbunyi:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا  
فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Surah al-Nūr (24): 32

Kalimah (مِنْ فَضْلِهِ) dalam ayat di atas ditafsir oleh sebahagian ayat dua dan tiga surah al-Talāq dan ayat 28 surah al-Tawbah yang berbunyi:

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ...

Surah al-Talāq (65) : 2-3

...إِنْ خِفْتُمْ عَيْلَةً فَسَوْفَ يُغْنِيكُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ إِنْ شَاءَ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Surah al-Tawbah (9) : 28

b) Pentafsiran bersumberkan hadis Rasulullah s.a.w

Pentafsiran bersumberkan hadis lebih banyak berbanding pentafsiran bersumberkan al-Quran. Dalam hal ini, al-Khaṭīb al-Shirbīnī membawa hadis-hadis Rasulullah sebagai penjelas dan sebagai penguat ayat-ayat hukum. Contoh hadis sebagai penjelas yang dikemukakan oleh beliau ialah:

i- Hadis yang menjelaskan ayat dua surah al-Nūr :

و في الحديث ( يؤتي بوال نقص من الحدود سوطا يقول: رحمة  
لعبادك, ... )<sup>177</sup>

Hadis ini menjelaskan tentang sebatan yang dikenakan ke atas penzina adalah sebagai rahmat kepada hamba-hamba Allah.

ii- Hadis yang menjelaskan ayat 27 surah al-Nūr.

وعن أبي أيوب الأنصاري قال : لي رسول الله : ما الإستئناس؟ قال : أن  
يتكلم الرجل... )<sup>178</sup>

Hadis di atas menjelaskan kalimah (حَتَّى تَسْتَأْنِسُوا) yang terdapat dalam ayat tersebut iaitu yang dimaksudkan dengan minta izin ialah seseorang itu berkata-kata seperti bertasbih, bertahmid dan bertakbir atau berdehem dengan tujuan meminta izin daripada tuan rumah.

iii- Tiga buah hadis yang menjelaskan ayat 30 surah al-Nūr berkenaan dengan hukum menjaga pandangan.

وروي عن جرير بن عبد الله البجلي ر ضي الله عنه قال : سألت النبي  
عن نظر الفجأة فقال: (إصرف بصرك)

179

<sup>177</sup> *Ibid.*, h. 367.

<sup>178</sup> *Ibid.*, h. 390. Hadis ini dikeluarkan oleh Muḥammad bin Yazīd (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-'Adab, Bāb al-Isti'zān, no hadis 3707, Beirut: Maktabah al-Ilmiyyah, h. 1221.

<sup>179</sup> *Ibid.*, h. 393. Hadis ini dikeluarkan oleh Abū Daud Sulaymān bin al-'Ash'ath (t.t) *Sunan Abī Daud*, kitāb al-Nikāh no hadis 2148, j. 2, Dar al-Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyah, h. 246.

وعن بريدة رضى الله عنه قال : قال رسول الله لعلي : (يا علي لا تتبع النظرة فإن لك الأولى وليست لك الثانية ) أخرجه أبو داود والترمذي.<sup>180</sup>

عن أبي سعيد الخدري رضى الله عنه أن رسول الله قال : (لا ينظر الرجل إلى عورة الرجل ...) <sup>181</sup>

Hadis-hadis di atas menjelaskan makna ( يَعْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ )

yang terdapat dalam ayat tersebut. Antara makna kalimat ini

berdasarkan hadis di atas ialah:

- a- Palingkan pandangan daripada melihat yang tidak sepatutnya.
- b- Pandangan kepada yang haram tanpa disengajakan untuk kali pertama diharuskan tetapi tidak untuk pandangan kali kedua dan seterusnya.
- c- Termasuk erti menjaga pandangan ialah tidak melihat aurat orang lain.

<sup>180</sup> *Ibid.*, h. 393. Hadis ini dikeluarkan oleh Muhammad bin 'Isā (t.t.), *Sunan al-Tirmizī*, Bab al-Isti'zān wa al-Adab, Bāb Mā Jā'a Fī Nazrah al-Mufājā'ah, no hadis 2928, j. 4, Madinah: Muhammad 'Abd al-Hasan al-Kutbī, h. 191.

<sup>181</sup> *Ibid.*, h. 393. Hadis ini dikeluarkan oleh Muslim dalam al-Hayḍ, Bab Taḥrīm al-Naẓr ilā al-'Awrāt, no. hadis 338, j. 1, T.T.P: 'Isā al-Bābī al-Halabī, h. 267.

iv- Lima buah hadis yang menjelaskan ayat 32 surah al-Nūr.

أنه رسول الله قال : (( يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج... ))<sup>182</sup>

لقوله صلى الله عليه وسلم : (هلا بكرا تلاعبها وتلاعبك)<sup>183</sup>

لقوله صلى الله عليه وسلم : ( تزوجوا الولود الودود فإني مكاثر بكم الأمم يوم القيامة)<sup>184</sup>

وفي رواية : ( يا عياض لا تتزوج عجوزا ولا عاقرا, فإني مكاثر دينه)<sup>185</sup>

روي عبدالله بن عمر أنه صلى الله عليه وسلم قال : (الدنيا متاع وخير متاع المرأة الصالحة)<sup>186</sup>

Hadis ini menjelaskan potongan ayat ( وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ )

( عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ) yang terdapat dalam ayat tersebut iaitu ayat yang

menganjurkan supaya berkahwin. Seterusnya sebuah hadis

<sup>182</sup> *Ibid.*, h. 399 Hadis ini dikeluarkan oleh Muḥammad bin ‘Ismā’īl al-Bukhārī (2002), *Mūkḥṭāṣār Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṣaum, Bāb al-Ṣaum Lī Man Khāfa ‘Alā Nafsihi al-‘Uzūbah, no hadis 1905, Riyadh: Dār al-Mu’ayyid, h. 249.

<sup>183</sup> *Ibid.*, h. 399. Hadis ini dikeluarkan oleh Muḥammad bin ‘Ismā’īl al-Bukhārī (2003), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Jihād wa al-Siyār, Bāb Isti’zān al-Rajul al-Imām, no. hadis 2967, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 345.

<sup>184</sup> *Ibid.*, h. 399. Hadis ini dikeluarkan oleh al-Nasā’ī (1994), *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Nikāh, Bāb Karāhiyah tazwīj al-‘aqīm, no hadis 3227, juzuk 6, Beirut: Maktabah al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, h. 65.

<sup>185</sup> *Ibid.*, h. 400.

<sup>186</sup> *Ibid.*, h. 400. Hadis ini dikeluarkan oleh Muslim bin al-Ḥajjaj (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Ridā’, Bāb Khayr Matā’ al-Dunyā al-Mar’ah al-Ṣāleḥah, no. hadis 1467, j. 10, Beirut : Dār al-Ma’rifah, h. 298.

menjelaskan potongan ayat ( *إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُعْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ* )

( *وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ* ) yang terdapat dalam ayat tersebut, iaitu:

أقوله : (اطلبوا الغنى في هذه الآية)<sup>187</sup>

Seterusnya, contoh hadis sebagai penguat ayat yang dikemukakan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī ialah:

i- Dua buah hadis sebagai penguat bagi ayat 2 surah al-Nūr berkenaan dengan larangan dan hukum berzina:

وروى حذيفة عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : (( يا معشر الناس اتقوا الزنا فإن فيه ست حصال... ))<sup>188</sup>

وعن عبدالله قال : (( قلت: يا رسول الله أي ذنب أعظم عند الله؟ قال: ... أن تزني بحليلة جارك ))<sup>189</sup>

ii- Tiga buah hadis sebagai penguat bagi ayat 27 surah al-Nūr berkenaan dengan hukum dan adab berkunjung dan bertamu:

روي أن رجلا قال للنبي : أأستأذن علي أمي؟ قال نعم...<sup>190</sup>

<sup>187</sup> *Ibid.*, h. 400. Hadis ini disebut oleh al-‘Ajlūnī (2001), *Kashf al-Khaṭā’ wa Muzīl al-Ilbās ‘Ammā Ishtahara min al-Ahādīth ‘Alā Alsinah al-Nās*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 256.

<sup>188</sup> *Ibid.*, h. 366. Hadis ini disebut oleh ‘Ismā‘īl bin Muḥammad bin ‘Abd al-Hādī al-Jarrāhī al-‘Ajlūnī (2001), *Kasyf al-Khaṭā’ wa Muzāil al-Ilbās*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 389.

<sup>189</sup> *Ibid.*, h. 366. Hadis ini dikeluarkan oleh Muḥammad bin ‘Ismā‘īl al-Bukhārī (t.t.), *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb tafsīr al-Qur’ān, no. hadīth 4761, juzuk 18, Beirut : Dār al-Fikr, h. 86.

<sup>190</sup> *Ibid.*, h. 391. Hadis ini disebut dalam tafsīr al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Tafsīr al-Ṭabarī*, j. 5, Damsyik : Dār al-Qalam, h. 580.

روي عن أبي هريرة أنه قال : قال رسول الله: (( من أطلع  
في بيت قوم فقد حل لهم أن يفقؤوا عينه))<sup>191</sup>

و في رواية النسائي قال: (( لو أن أمرا أطلع عليك بغير إذن  
فخذفته...))<sup>192</sup>

iii- Sebuah hadis sebagai penguat bagi ayat 31 surah al-Nūr  
berkenaan dengan hukum menjaga pandangan:

روي عن أم سلمة رضي الله عنها قالت : (( كنت عند رسول الله  
وعنده ميمونة... إذ أقبل ابن أم مكتوم... أمرنا بالحجاب...))<sup>193</sup>

iv- Sebuah hadis sebagai penguat bagi ayat 32 surah al-Nūr  
berkenaan dengan anjuran berkahwin.

وعنه صلى الله عليه وسلم ( اللهم إنا نعوذ بك من العيمة والغيمة ,  
والأيمة والقزم والقزم)<sup>194</sup>

لقوله صلى الله عليه وسلم : (( من أحب فطرتي فليستن بسنتي))<sup>195</sup>

وعنه صلى الله عليه وسلم: ( إذا تزوج أحدكم عج شيطانه يا ويلاه  
عصم ابن آدم مني ثلاثس دينه)<sup>196</sup>

<sup>191</sup> *Ibid.*, h. 392. Hadis ini dikeluarkan oleh Muslim bin al-Ḥajjaj (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Ādāb, bāb Taḥrīm al-Naẓr fī Bait Ghayrihi, no hadis 2158, j. 7, Beirut : Dār al-Ma‘rifah, h. 180.

<sup>192</sup> *Ibid.*, h. 392. Dikeluarkan oleh al-Nasā’ī dalam al-Qasāmah, no. Hadis 4861. Lihat kitab *al-Sirāj al-Munīr* yang telah ditahqiq, al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 392.

<sup>193</sup> *Ibid.*, h. 394. Hadis ini dikeluarkan oleh Muḥammad bin ‘Isā (t.t), *Sunan al-Tirmizī*, Kitāb al-Ādāb , Bāb Mā Jā’ Fī Ihtijāb al-Nisā’ min al-Rijāl, no. hadis 2928, juzuk 4, Madinah : Muḥammad ‘Abd al-Ḥasan al-Kutbī, h. 191. Hadis ini ialah hadis *ḥasan ṣaḥīḥ*

<sup>194</sup> *Ibid.*, h. 398.

<sup>195</sup> *Ibid.*, h. 399. Hadis ini disebut oleh ‘Abd al-Rāzaq dalam *muṣnaḥ*nya no. 10378. Lihat kitab *al-Sirāj al-Munīr* yang telah ditahqiq, al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 399.

<sup>196</sup> *Ibid.*, h. 399.

- v- Dua buah hadis sebagai penguat bagi ayat 32 surah al-Nūr berkenaan dengan anjuran berkahwin.

وورد: ( التمسوا الرزق بالنكاح)<sup>197</sup>

وشكى إلى النبي رجل الحاجة فقال: (عليك بالباءة)<sup>198</sup>

- vi- Sebuah hadis sebagai penguat bagi ayat 33 surah al-Nūr berkenaan dengan hukum hamba yang dijanjikan akan dimerdekakan.

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال: ( ثلاث حق على الله عونهم المكاتب الذي يريد الأداء...)<sup>199</sup>

Daripada hadis-hadis yang dikemukakan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat 23 buah hadis yang digunakan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī sebagai penjelas dan penguat kepada ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Jika diperhatikan kepada hadis-hadis tersebut maka secara keseluruhannya al-Khaṭīb al-Shirbīnī tidak mendatangkan sanad yang lengkap dan seterusnya ia boleh dibahagikan kepada beberapa kategori hadis iaitu:

<sup>197</sup> *Ibid.*, h. 400. Hadis ini disebut oleh Ibn Hajar dalam *takhrīj al-Kasyāf* (1/202). Lihat kitab *al-Sirāj al-Munīr* yang telah ditahqiq, al-Khaṭīb al-Syirbīnī (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 400

<sup>198</sup> *Ibid.*, h. 400. Hadis ini disebut oleh Ibn Hajar dalam *takhrīj al-Kasyāf* (1/202). Lihat kitab *al-Sirāj al-Munīr* yang telah ditahqiq, al-Khaṭīb al-Syirbīnī (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 400. Lihat kitab *al-Sirāj al-Munīr* yang telah ditahqiq, al-Khaṭīb al-Syirbīnī (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 39

<sup>199</sup> *Ibid.*, h. 401. Hadis ini dikeluarkan oleh Muḥammad bin ‘Isā (t.t), *Sunan al-Tirmizī*, Kitāb Faḍl al-Jihād, Bāb Mā Jā’ Fī al-Mujāhid wa al-Nikāḥ wa al-Makātib wa ‘Aun Allah, no hadis 1655, juzuk 4, T.T.P : T.P, h.23. Abū ‘Isā berkata bahawa hadis ini adalah hadis *ḥasan* .

- 1) Hadis yang menyebut nama sahabat sebagai perawi dan terdapat sembilan hadis dalam kategori ini. Ini termasuklah hadis yang diriwayatkan oleh Abū Ayyūb al-‘Anṣārī, Jarīr bin ‘Abdullah al-Bajlī, Buraidah, Abi Sa‘īd al-Khudrī, ‘Abdullah bin ‘Umar, Khuzaifah, ‘Abdullah, Abū Hurayrah dan Ummu Salamah.
- 2) Hadis yang tidak menyebut perawi tetapi menggunakan kata-kata terus kepada Rasulullah seperti ( و في الحديث ), ( أنه رسول الله ), ( وعنه صلى الله عليه وسلم ), ( وفي رواية ), ( لقوله صلى الله عليه وسلم ), dan ( وورد ). Hadis dalam kategori ini terdapat 13 buah.
- 3) Hadis yang menyebut nama imam hadis sebagai perawi iaitu terdapat sebuah hadis sahaja. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Nasā‘ī.

Seterusnya, jika dilihat dari sudut sumber pengambilan hadis, maka didapati bahawa sebanyak 13 buah hadis tersebut bersumberkan sunan sittah, dua buah hadis bersumberkan kitab *Kashf al-Khāfā’ wa Muzīl al-‘Ibās ‘Ammā Ishtahara min al-‘Ahādith ‘Alā ‘Alsinah al-Nās* karangan Ismā‘īl bin Muḥammad bin ‘Abd al-Hādī al-Jarrāhī al-‘Ajlūnī, empat buah hadis bersumberkan kitab *Takhrīj al-Kashāf* oleh Ibn Hajar, sebuah hadis dari musnaf ‘Abd al-Rāzaq, sebuah hadis dari tafsir al-Ṭabarī dan dua buah hadis tidak dapat dikenalpasti sumbernya.

- c) Pentafsiran bersumberkan pendapat sahabat

Dalam kajian penulis, terdapat tiga tafsiran yang bersumberkan pendapat sahabat iaitu:

- i- Pendapat daripada ‘Umar r.a. dan Abu Hurayrah r.a. yang menjelaskan ayat dua surah al-Nūr berkenaan dengan hukuman kepada pezina:

روى أن عمر رضى الله عنه جلد جارية له زنت , فقال للجلاد :  
إضرب ظهرها ورجليها...<sup>200</sup>

وعن أبي هريرة: إقامة حد بأرض خير من مطر أربعين ليلة. <sup>201</sup>

- ii- Pendapat daripada Ibn ‘Abbās, Saidatina ‘Aisyah dan Ibn Mas‘ūd yang menjelaskan ayat tiga surah al-Nūr.

عن ابن عباس: المراد من النكاح هو الجماع<sup>202</sup>

وعن عائشة رضى الله عنها : إن الرجل إذا زنا بامرأة ليس له أن  
يتزوجها لهذه الآية, وإذا باشرها كان زانيا<sup>203</sup>

وكان ابن مسعود يحرم نكاح الزانية ويقول : إذا تزوجوا الزاني الزانية  
فهما زانيان أبدا<sup>204</sup>

- iii- Pendapat daripada Ibn ‘Abbās yang menjelaskan potongan ayat 31 surah al-Nūr yang berbunyi ( وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ ) berkenaan dengan hukum menjaga pandangan dan memelihara kehormatan:

قال ابن عباس : لا يضعن الجلباب والخمار عنهن إلا لأزواجهن<sup>205</sup>

---

<sup>200</sup> *Ibid.*, h. 367.

<sup>201</sup> *Ibid.*

<sup>202</sup> *Ibid.*, h. 370.

<sup>203</sup> *Ibid.*

<sup>204</sup> *Ibid.*

Ringkasnya, tafsiran daripada para sahabat yang dikemukakan di atas menjadi penjelas dan penguat terhadap ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr.

d) Pentafsiran bersumberkan pendapat tabi‘in.

Dalam kajian penulis, didapati al-Khaṭīb al-Shirbīnī mengemukakan pendapat daripada para tabi‘in. Ini termasuklah pendapat daripada Qatādah, ‘Atā’, Ibn Sirīn dan Ibrāhīm al-Nakha’ī. Antara tafsiran mereka ialah:

i- Pendapat daripada Qatādah yang menjelaskan potongan ayat 27 surah al-Nūr yang berbunyi (تَسْتَأْنِسُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهِ) berkenaan dengan adab berkunjung dan bertamu:

قال قتادة: المرة الأولى للتسميع والثانية: ليتهيأ, والثالثة: إن شاء أذن...<sup>206</sup>

ii- Pendapat daripada ‘Atā’, Ibn Sirīn dan Ibrāhīm al-Nakha’ī bagi menjelaskan ayat 29 surah al-Nūr berkenaan dengan adab berkunjung dan bertamu:

وقال عطاء: هي البيوت الخربة والمتاع هو قضاء الحاجة فيها من البول والغائط<sup>207</sup>

وكان ابن سيرين رحمه الله إذا جاء إلى حانوت السوق يقول: السلام عليكم  
أدخل ثم يلج<sup>208</sup>

---

<sup>205</sup> *Ibid.*, h. 395

<sup>206</sup> *Ibid.*, h. 390

<sup>207</sup> *Ibid.*, h. 392.

<sup>208</sup> *Ibid.*

#### 4.2.2 Pentafsiran berdasarkan *al-Ra'y*

Secara umumnya pentafsiran berdasarkan *al-Ra'y* ialah tafsir yang dinukilkan dengan memberi makna kepada ayat-ayat al-Quran tanpa mendatangkan dalil-dalil yang sahih. Sebagai contoh, Imam al-Ṭabarī dalam tafsirannya kadangkala merujuk kepada bahasa Arab yang kemudiannya diikuti oleh ahli tafsir selepasnya dan lebih banyak tafsiran berbentuk *aqlī* daripada *naqlī*.<sup>210</sup> Prof T.M. Hasbi Ash Shiddieqy memberikan pengertian *al-Ra'y* (*al-Ma'qūl*) sebagai penjelasan yang bersendikan kepada ijtihad dan akal dan berpegang kepada kaedah bahasa dan adat istiadat orang-orang Arab dalam penggunaan bahasanya.<sup>211</sup> Daripada dua pengertian di atas menunjukkan bahawa pentafsiran berdasarkan *al-Ra'y* ialah memberikan makna al-Quran tanpa menggunakan sumber-sumber yang asli daripada al-Quran atau al-sunnah.

Selanjutnya keadaan ini membawa kepada perbincangan yang agak luas sama ada ianya diterima pakai atau sebaliknya ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Dalam menghukumkan tafsir jenis ini, ulamak berbeza pendapat iaitu ada yang mengharamkannya dan ada yang mengharuskannya. Dengan erti kata lain ianya terbahagi kepada dua iaitu yang harus (*al-Mamdūh*) dan yang tidak harus atau dikeji (*al-Madhmūm*). Ulamak yang mengharuskan dan membuka luas ruang tafsir ini mensyaratkan bahawa boleh mentafsirkan sekiranya seseorang

---

<sup>209</sup> *Ibid.*, h. 392.

<sup>210</sup> Muhammad al-Zafzāf (1979), *op.cit.*, h. 178.

<sup>211</sup> T.M. Hasbi Ash Shiddieqy (1972), *op.cit.*, h. 200.

itu mahir dalam sastera dan mengetahui ilmu bahasa Arab. Ulamak yang menyempitkan atau yang tidak mengharuskan tafsir ini berpendapat bahawa tidak harus mentafsir sesuatu ayat walaupun dia alim dalam mengetahui dalil-dalil, fiqh, nahu dan hadis dan ia terhenti di atas apa yang diriwayatkan oleh nabi, sahabat dan tabi'in.<sup>212</sup>

Dalam hal ini, Dr. Şubhî Şāleḥ memberikan komentar bahawa perselisihan ulamak di atas adalah dalam perkara yang boleh disatukan iaitu ulamak sepakat mengharamkan tafsir tanpa dalil atau dengan kejahilan dari sudut kaedah bahasa dan usul syara' dan mengharamkan tafsir dengan mengikut hawa nafsu. Sekiranya mentafsir menurut syarat yang telah ditentukan tidak mengapa. Syarat-syarat tersebut ialah:

- a- Ianya dinukilkan daripada Rasulullah
- b- Ianya diambil dari kata-kata sahabat
- c- Ianya diambil dari bahasa dengan menjaga susunan ayat
- d- Ianya diambil dengan apa yang ditunjukkan oleh kalam yang menunjukkan undang-undang syarak.<sup>213</sup>

Kesimpulannya, perbincangan tentang *tafsīr bi al-Ra'y* biasanya luas dan panjang kerana ia melibatkan dua pandangan yang berbeza iaitu satu pandangan mengharuskannya dan satu pandangan lagi mengharamkannya. Kedua-dua pandangan ini mempunyai hujah yang tersendiri. Namun, bila diteliti, pandangan ini bukanlah satu perbezaan yang bertentangan tapi satu perbezaan yang boleh disatukan dan diselaraskan sebagaimana yang telah dibentangkan. Akhirnya

---

<sup>212</sup> Muhamamd al-Zafzāf (1979), *op.cit.*, h. 179.

<sup>213</sup> Şubhî Şāleḥ (1972), *op.cit.*, h. 290-292.

pentafsiran berdasarkan *al-Ra'y* telah diterima pakai oleh ulama dengan syarat ianya berlaku mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Seterusnya dalam kajian penulis terhadap tafsiran ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī, dapat dibahagikan kepada dua, iaitu:

- a) Pentafsiran bersumberkan faktor sosial.

Maksud pentafsiran bersumberkan faktor sosial ialah al-Khaṭīb al-Shirbīnī mentafsirkan ayat-ayat hukum berdasarkan suasana masyarakat pada zamannya. Dalam kajian penulis ada empat tafsiran beliau yang bersumberkan faktor sosial ini, iaitu:

- i- Ayat tiga surah al-Nūr yang berbunyi:

الزَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا  
زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرَّمٌ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ

Surah al-Nūr (24) : 3

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī mentafsirkan ayat di atas dengan mengaitkan bahawa kebiasaannya orang yang cenderung melakukan zina tidak suka berkahwin dengan orang yang baik atau soleh. Seterusnya beliau berpendapat bahawa persamaan (antara dua orang yang berzina) merupakan sebab yang membawa kepada kemesraan dan kesatuan. Manakala perbezaan

(antara yang berzina dengan yang saleh) menjadi sebab kejauhan atau perpisahan.<sup>214</sup>

ii- Tafsiran ayat dua dan tiga surah al-Nūr yang berbunyi:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِئَةَ جَلْدَةٍ وَلَا  
تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ. الزَّانِي لَا  
يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ  
مُشْرِكٌ وَحُرْمٌ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ.  
Surah al-Nūr (24) : 2-3

Dalam ayat di atas, al-Khaṭīb al-Shirbīnī mentafsirkan didahulukan perkataan *al-Zāniyah* (perempuan yang berzina) daripada perkataan *al-Zānī* (lelaki yang berzina) dalam ayat yang kedua adalah kerana perempuan menjadi objek atau bahan yang menyebabkan berlakunya jenayah zina. Manakala dalam ayat ketiga, didahulukan perkataan *al-Zānī* daripada perkataan *al-Zāniyah* adalah kerana orang lelaki lebih suka ke arah perkahwinan dan mereka yang akan memulakan tuntutan nikah tersebut.<sup>215</sup>

iii- Tafsiran terhadap potongan ayat 31 surah al-Nūr yang berbunyi ( زَيَّنُّهُنَّ ) :

<sup>214</sup> Al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 368

<sup>215</sup> *Ibid.*, h. 368.

Tafsiran beliau ialah kalimah ( زَيَّنْتَهُنَّ ) merangkumi perhiasan yang tersembunyi dan perhiasan yang zahir (nampak). Perhiasan yang tersembunyi ditafsirkan dengan barang-barang yang wujud pada zaman itu seperti gelang kaki, pewarna kaki, gelang di tangan, anting-anting di telinga dan rantai di leher.<sup>216</sup>

iv- Tafsiran terhadap potongan ayat 31 surah al-Nūr yang berbunyi ( وَلِيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ).

Tafsiran beliau terhadap maksud ( بِخُمُرٍ ) dalam potongan ayat tersebut ialah wanita-wanita hendaklah menutup kepala, leher dan dada dengan tudung. Sekiranya dada wanita itu luas, hendaklah tudung tersebut menutup dada dan di sekeliling dada serta melabuhkannya merangkumi depan dan belakang dada.<sup>217</sup>

b) Pentafsiran bersumberkan pendapat ahli tafsir yang terkenal dengan pandangan *al-Ra'y*.

Sepanjang penelitian penulis, al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah membawa pendapat daripada ahli tafsir yang terkenal dengan tafsir *al-Ra'y* seperti al-Rāzī, al-Zamakhsharī dan al-Bayḍāwī. Antaranya ialah:

---

<sup>216</sup> *Ibid.*, h. 394.

<sup>217</sup> *Ibid.*

- i- Pendapat al-Rāzī terhadap tafsiran potongan ayat 18 yang berbunyi ( *يُعِظُكُمُ اللَّهُ* ). Terjemahan tafsirannya ialah:

Sekiranya dikatakan: Adakah harus menamakan Allah sebagai penasihat sebagaimana dalam firman-Nya: ( *يُعِظُكُمُ اللَّهُ* )? Saya menjawab : Sesungguhnya tidak harus sebagaimana kata-kata Imam al-Rāzī , al-Rāzī berkata : ianya tidak harus seperti juga menamakan Allah sebagai *mu'allim* sebagaimana firman Allah yang berbunyi ( *الرَّحْمَنُ عَلَّمَ الْقُرْآنَ* ) kerana *asma' Allah* merupakan *tauqifiyyah*.<sup>218</sup>

- ii- Pendapat al-Zamakhsharī terhadap tafsiran potongan ayat 32 yang berbunyi ( *إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ* ).

Terjemahan tafsirannya ialah:

Berkata al-Zamakhsharī: Sesungguhnya bersama-sama dengan kami ada seorang lelaki yang lemah dan kurus kering. Beberapa tahun kemudian aku melihat keadaannya jauh lebih baik, lalu aku bertanya kepadanya dan dia menjawab: Aku pada awalnya adalah sebagai mana yang engkau tahu dan waktu itu aku belum dikurniakan anak, maka apabila aku dikurniakan anak perempuan, kefakiran jauh daripadaku dan apabila aku dikurniakan anak kedua bertambahlah kebaikan kepadaku, dan apabila aku dikurniakan anak ketiga Allah mencurahkan lagi kebaikan kepadaku, lalu jadilah aku sekarang sebagaimana yang engkau lihat.<sup>219</sup>

- iii- Pendapat al-Bayḍāwī terhadap tafsiran potongan ayat 16 yang berbunyi ( *سُبْحَانَكَ* ). Terjemahan tafsirannya ialah:

---

<sup>218</sup> *Ibid.*, h. 384

<sup>219</sup> *Ibid.*, h. 400.

Berkata al-Bayḍāwī: Sekiranya maksiat yang dilakukan oleh isteri maka tidak sempurnalah perkahwinan itu, berbeza dengan kekufuran isteri kerana ia tidak dibenarkan. Oleh kerana itu, isteri kepada Nabi Lut dan Nuh adalah kafir kerana dibenarkan ketika itu untuk mengahwini perempuan kitabiah, tetapi ianya tidak dibolehkan kepada Rasulullah s.a.w. kerana baginda sendiri tidak suka dan sesungguhnya baginda sangat mulia daripada meletakkan airnya ke dalam rahim perempuan yang kafir melalui pernikahan...”<sup>220</sup>

Secara ringkasnya pentafsiran bersumberkan *al-Ra'y* yang digunakan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī adalah merupakan satu tafsiran yang boleh diterima kerana tiada unsur-unsur penyelewengan atau perkara yang pelik. Bahkan adakalanya beliau membawa hadis daripada Rasulullah s.a.w sebagai satu dalil penguat selepas beliau menyatakan tafsirannya sendiri. Sebagai contoh, ketika mentafsirkan ayat 3 surah al-Nūr sebagaimana yang telah dikemukakan sebelum ini, sebaik sahaja beliau membawa pendapatnya lalu beliau membawa hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah yang berbunyi:

وعن أبي هريرة أن النبي قال: ( الرجل على دين خليله فلينظر أحدكم من يخال )<sup>221</sup>

Maksudnya: ”Daripada Abu Hurayrah, bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: seseorang lelaki itu bergantung ke atas agama temannya, maka lihatlah di kalangan antara kamu siapa yang menjadi temannya”.

---

<sup>220</sup> *Ibid.*, h. 383.

<sup>221</sup> *Ibid.*, h. 368. Hadis ini dikeluarkan oleh Imam Aḥmad bin Muḥammad (1993), Musnad al-Imām Aḥmad, no. hadis : 8212, juzuk 2, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 640.

#### 4.2.3 Pentafsiran berdasarkan aspek pengajian al-Quran

Menurut Mannā' al-Qaṭṭān, pengajian al-Quran atau *'ulūm al-Qur'ān* merupakan ilmu yang membincangkan berkaitan tentang al-Quran dari sudut sebab-sebab penurunan ayat, pengumpulan dan penyusunan al-Quran, ayat *makki* dan ayat *madani*, *nāsikh* dan *mansūkh*, ayat *muḥkam* dan ayat *mutashābih* dan sebagainya yang berkaitan dengan al-Quran.<sup>222</sup> Definisi yang diberikan oleh Imam al-Suyūṭī pula, pengajian al-Quran ialah suatu bidang dan ruang lingkup ilmu yang membicarakan tentang al-Quran dari segi penurunannya, *sanadnya*, adabnya, maknanya, lafaznya dan lain-lain yang berkaitan dengannya.<sup>223</sup>

Sepanjang kajian penulis, al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah menggunakan aspek pengajian al-Quran ini ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Antara aspek yang telah dikenalpasti ialah aspek bahasa, sebab-sebab penurunan ayat, *nāsikh mansūkh* dan *qirā'at*.

##### a) Aspek bahasa

Pentafsiran dari aspek bahasa yang dilakukan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī merangkumi makna kalimah, *i'rāb* dan kata-kata syair. Antara contoh tafsiran beliau ialah:

- i- Kalimah ( وَلِيَّشْهَد ) diberi makna ( وليحضر ).<sup>224</sup>

---

<sup>222</sup> Mannā' al-Qaṭṭān (2002), *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h.11.

<sup>223</sup> Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-Suyūṭī (1978), *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j.1, Mesir: Sharikah wa Maṭbū'ah al-Bābī al-Halabī wa Aulāduh, h. 4.

<sup>224</sup> Al-Khaṭīb al-Syirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 367

ii- Kalimah ( حَتَّى تَسْتَأْنِسُوا ) diberi dengan dua makna iaitu :

pertama; ( حتى يؤذن لكم ), dan kedua: ( الإستعلام )

(والاستكشاف).<sup>225</sup>

iii- Kalimah ( الْأَيَّامِ ) diberi makna ( من ليس لها زوج بكر )

(كانت أو ثيبا).<sup>226</sup>

iv- Kalimah ( الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي ) dii 'rābkan sebagai

وال فيما ذكر موصولة وهو مبتدأ ولشبهه بالشرط دخلت الفاء في (

خبره )

v- Kalimah ( عَصْبَةٌ ) sebagai dii 'rābkan ( خبر إن ).<sup>228</sup>

vi- Kata-kata syair bagi menjelaskan kalimah ( الْأَيَّامِ ) iaitu

yang berbunyi:

فإن تنكحي أنكح وإن تنأيمي      وإن كنت أفتي منكم أتأيم<sup>229</sup>

---

<sup>225</sup> *Ibid.*, h.390.

<sup>226</sup> *Ibid.*, h.398.

<sup>227</sup> *Ibid.*, h.365

<sup>228</sup> *Ibid.*, h.375

<sup>229</sup> *Ibid.*, h.397

Dalam kajian penulis, hampir keseluruhan kalimah-kalimah dalam surah al-Nūr ini diberikan makna oleh al-Khaṭīb. Perkataan yang di'*rabkan* pula melihat kepada keperluan dan hanya sedikit kata-kata syair yang dikemukakan oleh beliau.

b) Sebab-sebab penurunan ayat.

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī juga memuatkan sebab-sebab penurunan ayat ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr sebagai satu cara untuk memahami sesuatu ayat hukum. Antara contohnya ialah:

i- Sebab penurunan ayat tiga surah al-Nūr. Terjemahan tafsirannya ialah:

"... (وَحُرْمٌ ذَالِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ) iaitu: menikahi pezina adalah diharamkan. Ulamak berselisih dalam memberi makna ayat ini dan hukumnya. Pendapat Mujāhid, 'Atā' , Qatādah, al-Zuhri dan al-Sha'bi yang mengambil riwayat daripada Ibn 'Abbās bahawa : orang-orang Muhajirin telah datang ke Madinah dan ada di antaranya yang fakir yang tiada harta dan kaum keluarga. Di Madinah pula terdapat ramai pelacur yang hidup mewah. Lalu orang Islam yang fakir ini berhajat untuk berkahwin dengan perempuan pelacur ini dengan harapan pelacur ini boleh menanggung mereka. Lalu mereka meminta izin daripada Rasulullah dan turunlah ayat ini. Maka diharamkan orang-orang mukmin mengahwini perempuan pelacur ini kerana mereka adalah perempuan musyrik. Pendapat Ikrīmah pula: ayat ini diturunkan dan ditujukan kepada perempuan-perempuan yang ada di Mekah dan Madinah – antaranya ialah Ummu Maḥzūl (hamba al-Sā'ib bin Abi al-Sā'ib al-Maḥzūmī). Seorang lelaki telah berkahwin dengan pezina pada zaman jahiliyyah dengan tujuan untuk mendapatkan makanan. Lalu beberapa orang muslimin ingin menikahi perempuan-perempuan zina ini dengan tujuan yang sama. Seorang di antara mereka meminta izin daripada Rasulullah untuk bernikah dengan Ummu Maḥzūl dengan tujuan untuk mendapatkan nafkah daripadanya, lalu turulah ayat ini. Pendapat ketiga pula iaitu riwayat daripada 'Amru bin Shu'aib daripada

bapanya daripada datuknya telah berkata: Sesungguhnya Murthad bin Abī Murthad al-Ghanawī membawa tawanan daripada Mekah ke Madinah. Ketika di Mekah beliau mempunyai teman yang merupakan seorang pezina yang selalu dipeluknya iaitu ketika zaman jahiliyyah. Lalu apabila pulang ke Mekah, perempuan tersebut meminta Murthad memeluknya namun Murthad berkata: Sesungguhnya Allah mengharamkan zina. Perempuan tersebut berkata : kahwinilah aku. Murthad pun berkata: tunggu sehingga aku bertanya Rasulullah. Murthad berkata: aku menemui Rasulullah dan berkata : Wahai Rasulullah, aku mahu menikahi perempuan itu. Rasulullah menahan dan tidak menjawab apa-apa pun sehingga turunlah ayat ( *الرَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ* ). Rasulullah memanggilku dan membacakan ayat tersebut ke atasku lalu Rasulullah bersabda: jangan kamu menikahinya”<sup>230</sup> .

- ii- Sebab penurunan ayat empat surah al-Nūr. Terjemahan tafsirannya ialah:

”Diriwayatkan daripada al-Bukhārī dalam tafsirnya dan selain daripadanya, daripada Ibn ‘Abbās: Sesungguhnya Hilāl bin Umayyah mengadu kepada Rasulullah bahawa isterinya berzina dengan Shirik bin Sahma’. Lalu Rasulullah berkata kepadanya: Kamu kemukakan bukti atau kamu akan disebat. Maka Hilāl bin Umayyah berkata: Demi yang mengutuskan kamu dengan hak, sesungguhnya aku adalah orang yang benar dan mudah-mudahan Allah akan melepaskan belakangku daripada dikenakan sebat. Lalu turunlah jibril membawa ayat ( *وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شَيْءٌ دَاءِ إِلَّا أَنفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ* ) ( *أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ* ). Maka Rasulullah pun melaksanakan dan memanggil Hilāl dan isterinya. Hilāl berdiri dan bersumpah. Lalu Nabi berkata: Allah yang lebih mengetahui siapa diantara kamu yang berdusta, maka adakah diantara kamu ini mahu bertaubat? Kemudian isteri Hilāl bangun dan bersumpah, tetapi apabila sampai kepada sumpah yang kelima dia terhenti. Lalu orang ramai berkata: sesungguhnya sumpah itu wajib. Berkata Ibn ‘Abbās: Dia teragak-gagak dan

<sup>230</sup> *Ibid.*, h. 369. Lihat juga : al-Suyūfī (2002), *op.cit.*, h. 189.

menarik diri sehingga kami menyangka dia akan menarik balik kata-katanya. Kemudian isteri Hilāl berkata: Aku tidak akan membuka aib kaumku pada hari-hari yang telah berlalu...”.<sup>231</sup>

- iii- Sebab penurunan potongan ayat 33 surah al-Nūr yang berbunyi :

وَالَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ  
عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا

Terjemahan tafsirannya ialah:

”Sebab *nuzūl* ayat ini ialah apa yang diriwayatkan oleh hamba kepada Ḥuwaytib Ibn ‘Abd al-‘Uzzā bahawa beliau telah meminta tuannya supaya memerdekakannya tetapi ditolak, dan turunlah ayat ini. Kemudian Ḥuwaytib telah memerdekakan hambanya itu dengan 100 dinar”.<sup>232</sup>

- iv- Sebab penurunan potongan ayat 33 surah al-Nūr yang berbunyi:

وَلَا تُكْرَهُوا فَتْيَاتِكُمْ عَلَى الْبِغَاءِ إِنْ أَرَدْنَ تَحَصُّنًا لِّتَبْتَعُوا عَرَضَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

Terjemahan tafsirannya ialah:

”Sesungguhnya ‘Abdullah bin Ubay iaitu ketua munafik mempunyai 6 orang hamba iaitu Mu‘āzah, Masīkah, Umaymah, ‘Amarah, ‘Arwā dan Qatīlah. Beliau memaksa hamba-hambanya ini untuk melacurkan diri dan telah memukul mereka. Lalu 2 hambanya telah mengadu kepada Rasulullah dan turunlah ayat ini. Riwayat lain mengatakan bahawa hamba-hamba ‘Abdullah ini dipaksa melacurkan diri pada zaman jahiliyyah untuk mendapatkan keuntungan, maka apabila datangnya Islam

<sup>231</sup> al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 373. Lihat juga: Jalāl al-Dīn Abī ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (2002), *Lubāb al-Nuqūl Fī Asbāb al-Nuzūl*, Lubnan: ‘Alam al-Kutub, h. 181.

<sup>232</sup> *Ibid.*, h. 401.

Masīkah telah berkata kepada Mu‘āzah: Sekiranya perbuatan itu baik, engkau telah memperolehi hasil yang banyak, akan tetapi sekiranya perbuatan itu tidak baik sudah sepantasnya aku meninggalkannya. Lalu Allah menurunkan ayat ini. Dalam riwayat lain ‘Abdullah telah datang kepada hambanya dengan membawa besi dan datang kepada hambanya yang lain dengan membawa dinar dan berkata kepada kedua-duanya: pulanglah dan melacurlah. Maka kedua-dua hambanya berkata: Demi Allah kami tidak akan melakukan kerana Islam mengharamkan zina. Dan hamba-hamba ini menemui Rasulullah dan mengadu kepada baginda, lalu turunlah ayat ini”.<sup>233</sup>

Secara umumnya, tidak semua ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr dinyatakan sebab penurunan ayat. Jika dilihat sebab-sebab penurunan ayat di atas, penulis dapati al-Khaṭīb al-Shirbīnī mengemukakan dua atau satu sahaja sebab penurunan ayat. Contohnya pada ayat tiga, beliau membawa sebab penurunan ayat yang diambil daripada pendapat Mujāhid dan Ikrimah. Manakala pada ayat empat dan 33, beliau membawa satu sebab penurunan ayat. Dari sudut sumber pengambilan sebab penurunan ayat, ada yang dinyatakan sumbernya dan ada yang tidak dinyatakan. Contohnya sebab penurunan ayat tiga dan empat diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās, manakala pada ayat 33 tidak dinyatakan sumber periwayatannya.

c) *Nāsikh mansūkh*

Al-Khaṭīb juga ada menyentuh persoalan *nāsikh mansūkh* dalam tafsirannya. Ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr,

---

<sup>233</sup> *Ibid.*, h. 402. Lihat juga: al-Suyuti (2002), *opcit.*, h. 188.

terdapat hanya satu ayat yang berkaitan dengan isu ini. Iaitu ayat tiga yang melarang berkahwin dengan penzina :

”Pendapat Sa‘īd al-Musayyab dan sekumpulan daripada mazhab Imam al-Shāfi‘ī rahimallah ta‘alā: Sesungguhnya hukum ayat tersebut telah dimansuhkan. Dalam ayat tersebut diharamkan bernikah dengan penzina lalu Allah *menāsakhkan* dengan ayat yang berbunyi ( وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ ( مِنْكُمْ) ...<sup>234</sup>

d) *Qirā’at*

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī juga tidak ketinggalan mengemukakan *qirā’at* ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum. Contohnya ialah:

- i- Kalimah (بِهِمَا رَأْفَةً): Imam Ibn Kathīr membaca dengan membariskan atas (*fathah*) huruf ḥāmzāḥ manakala imam lain membacanya dengan tanda mati (*sukūn*).<sup>235</sup>
- ii- Kalimah ( وَالْخَامِسَةَ أَنْ لَعْنَتَ اللَّهِ ) : Imam Nāfi‘ membacanya dengan tanda *sukūn* أَنْ dan membariskan depan (*ḍammah*) لَعْنَتَ , manakala imam yang lain membacanya dengan tanda sabdu (*tashdīd*) أَنْ dan membariskan atas لَعْنَتَ.<sup>236</sup>

---

<sup>234</sup> *Ibid.*, h. 370.

<sup>235</sup> *Ibid.*, h. 367.

<sup>236</sup> *Ibid.*, h. 373.

- iii- Kalimah ( لَا تُحْسِبُوهُ ) : Imam Ibn ‘Amīr, Imam ‘Āṣim dan Imam Ḥamzah membacanya dengan membariskan atas huruf *sin*, manakala imam-imam yang lain membacanya dengan baris bawah (*kasrah*).<sup>237</sup>
- iv- Kalimah ( غَيْرَ بِيوتِكُمْ ): Imam Warash, Imam ‘Amru dan Imam Hafṣ membacanya dengan baris depan (*ḍammah*) huruf *ba’*, manakala imam-imam yang lain membaca dengan baris bawah.<sup>238</sup>
- v- Kalimah ( لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ): Imam Hafṣ, Imam Ḥamzah dan Imam Kisā’ī membacanya dengan mentakhfifkan huruf *zal*, manakala imam-imam yang lain mentashdidkannya.<sup>239</sup>

Secara ringkasnya, jika diperhatikan daripada contoh-contoh di atas, al-Khaṭīb al-Shirbīnī mengemukakan perbezaan bacaan mengikut imam-imam *qirā’at* tanpa memberikan pendapat mana yang beliau ambil.

---

<sup>237</sup> *Ibid.*, h. 381.

<sup>238</sup> *Ibid.*, h. 389.

<sup>239</sup> *Ibid.*, h. 391.

#### 4.2.4 Pentafsiran berdasarkan perbincangan hukum fiqh

Sebagai seorang yang pakar dalam bidang fiqh, maka al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah mengemukakan perbincangan hukum fiqh ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Umumnya, dalam pentafsiran berdasarkan perbincangan hukum fiqh ini, penulis telah membahagikannya kepada tiga perkara iaitu:

- a) Mengemukakan pandangan ulamak fiqh.

Contoh tafsirannya ialah:

i- Ketika mentafsirkan ayat 6 dan 7 dalam surah al-Nūr yang berbunyi ( وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنفُسُهُمْ

فَشَهَادَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ , لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾

(, وَالْخَامِسَةُ أَنْ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾ ), al-Khaṭīb

telah merujuk kepada mazhab al-Shāfi'ī dan mazhab Ḥanafī.

Tafsirannya ialah:

....dan hukumnya ialah jatuh had qazaf kepadanya dan menyebabkan perpisahan secara cerai fasakh di sisi kami sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud : dua pihak yang berli'ān tidak akan bersatu selama-lamanya. Manakala menurut Abu Ḥanīfah, pihak yang berli'ān hendaklah berpisah secara pisah talak dan dinafikan anak yang dikandung sekiranya ada dan *thabit* had zina kepada perempuan tersebut.<sup>240</sup>

<sup>240</sup> *Ibid.*, h. 373.

Kalimah *عندنا* yang bermaksud di sisi kami yang digunakan oleh al-Khaṭīb menunjukkan beliau mengemukakan pandangan imam mazhabnya.

ii- Ketika mentafsirkan ayat empat dan lima surah al-Nūr tentang persaksian bagi pengakuan zina, al-Khaṭīb mengemukakan pendapat al-Shāfi‘ī dan Abū Ḥanīfah.

Tafsirannya ialah:

“Perhatian: Adakah pengakuan zina *thabit* dengan persaksian dua lelaki atau empat lelaki seperti saksi zina? Ada dua pendapat yang aku membenarkan kedua-dua pendapat ini. Iaitu sesungguhnya ia *thabit* dengan persaksian dua lelaki dan ia berbeza dengan persaksian perbuatan zina. Ini kerana perbuatan itu adalah perbuatan yang tersembunyi yang dijelaskan, tetapi persaksian ke atas pertuduhan zina wajib menyebut penzinaanya. Sekiranya dia melihat seorang jariah dengan bapanya lalu dia menyangka bapanya telah berzina, wajib baginya had (disebat). Sekiranya dia berkata dalam persaksiannya: aku melihat zakarnya masuk ke dalam farajnya dan dia tidak berkata seperti masuknya pencil mata ke dalam bekas celak, kata-kata demikian lebih diutamakan. Kalau mereka melihat secara pasti sesungguhnya orang itu berzina, maka tidak diterima persaksiannya kerana mungkin mereka melihat betis sahaja. Disyaratkan juga supaya jelas dalam persaksiannya dan dibolehkan untuk menarik balik pengakuannya walaupun ketika hukuman sedang dijalankan. Dan tiada beza penerimaan persaksian sama ada persaksian secara berasingan atau bersama-sama. Ini adalah sebagaimana pendapat al-Shāfi‘ī. Pendapat Abu Ḥanīfah ialah apabila persaksian mereka secara berasingan maka tidak sah dan wajib ke atas mereka had qazaf. Kalaulah persaksian zina kurang daripada empat atau empat orang termasuk suaminya maka tidak sah dan mereka dikenakan *had* kerana persaksian suami tidak diterima”.<sup>241</sup>

---

<sup>241</sup> *Ibid.*, h. 372.

Dalam contoh di atas al-Khaṭīb telah membenarkan kedua-dua pendapat dengan menyebut kalimat 'أصحهما'.

iii- Ketika mentafsirkan potongan ayat 33 yang berbunyi :

(وَأَثْوَهُمْ مِّن مَّالِ اللَّهِ الَّذِي آتَاكُمْ)

al-Khaṭīb telah mengemukakan pendapat Abū Ḥanīfah.

Tafsirannya ialah:

”...dan mengikut Abū Ḥanīfah bahawa diperintahkan umat Islam untuk membantu hamba-hamba yang mahu memerdekakan dirinya dengan memberikan mereka habuan daripada baitulmal...”<sup>242</sup>

Daripada tiga contoh yang dikemukakan di atas, penulis mendapati bahawa al-Khaṭīb al-Shirbīnī mengemukakan sama ada pendapat daripada mazhabnya dan selain daripada mazhabnya seperti dalam contoh (i) dan (ii) atau tidak mengemukakan pendapat mazhabnya tetapi membawa pendapat selain daripada mazhabnya seperti dalam contoh (iii). Selain daripada itu juga, sepanjang penelitian penulis, tiada tanda-tanda taksub terhadap mazhab seperti kata-kata memuji mazhabnya atau kata-kata mengeji mazhab lain dalam tafsiran beliau. Ini menunjukkan beliau seorang yang toleransi.

b) Mengemukakan pendapat sendiri

Dalam kajian penulis, selain membawa pendapat ulamak fiqh, al-Khaṭīb juga mengemukakan pendapat beliau sendiri ketika membincangkan suatu hukum fiqh. Antara contohnya:

---

<sup>242</sup> *Ibid.*, h. 402.

i- Ketika mentafsirkan ayat 27 surah al-Nūr. Tafsirannya ialah:

“Hendaklah meminta izin bagi ajnabi atau kaum kerabat yang bukan muhram memasuki rumah sama ada pintu waktu itu tertutup atau sebaliknya. Sekiranya ia seorang yang muhram dan ia tinggal bersama dengan ahli rumah, maka tidak perlu meminta izin tetapi cukup dengan berdehem atau apa-apa isyarat untuk mengelakkan daripada terlihat aib. Tetapi sekiranya dia tidak tinggal bersama ahli rumah dan pintu ketika itu tertutup, maka hendaklah dia meminta izin. Daripada Abū Mūsā al-Ash‘arī, sesungguhnya dia mendatangi pintu ‘Umar, lalu berkata: Assalamualaikum, boleh aku masuk? Dia berkata sebanyak tiga kali kemudian dia pulang. Dan dia berkata: Aku telah mendengar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda : Minta izin itu tiga kali...”<sup>243</sup>

ii- Ketika mentafsirkan ayat 31 surah al-Nūr. Tafsirannya ialah:

“...tidak harus bagi seorang muslimah membuka bajunya di hadapan perempuan kafir kerana mereka juga dikira sebagai ajnabi dalam urusan agama seperti lelaki ajnabi. Tetapi harus memperlihatkan aurat dihadapan mereka ketika dalam kesusahan. Sesungguhnya ‘Umar bin al-Khaṭāb telah memerintahkan Abū ‘Ubaidah al-Jarrāh supaya melarang wanita ahli kitab daripada memasuki tandas muslimah...”<sup>244</sup>

Jika dilihat daripada dua contoh di atas, penulis dapat merumuskan bahawa ketika membawa pendapat sendiri, al-Khatib kebiasaannya akan mendatangkan dalil atau hujah. Iaitu pada contoh yang pertama, beliau membawa hadis Rasulullah

---

<sup>243</sup> *Ibid.*, h.390. Hadis ini dikeluarkan oleh Imam Muslim dalam Kitāb al-Adāb, Bāb al-Isti’zān, no. hadis: 2153.

<sup>244</sup> *Ibid.*, h. 395.

s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abū Mūsā al-Ash‘arī dan pada contoh yang kedua beliau membawa kisah tentang ‘Umar bin al-Khaṭāb dan Abū ‘Ubaydah al-Jarrāh.

c) Membincangkan masalah *khilafiyah* .

Al-Khaṭīb juga mengemukakan persoalan *khilafiyah* antara ulamak dalam masalah fiqh ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Antara contohnya ialah:

- i- ” Terdapat perselisihan dalam isu liwat iaitu adakah ia termasuk sebagai zina atau tidak? Sebahagiannya berpendapat bahawa: ia termasuk sebagai zina kerana Rasulullah telah bersabda yang bermaksud: Apabila seseorang lelaki itu mendatangi (liwat) lelaki yang lain maka kedua-duanya adalah pezina. Namun kebanyakan daripada sahabat-sahabat kami tidak memasukkannya sebagai zina kerana jika ia berkawan maka ia bukanlah zina dan ianya tidak berdosa....”<sup>245</sup>
- ii- ”Adapun mendatangi binatang (berzina dengan binatang) dihukumkan haram mengikut ijmak ulamak namun adanya perselisihan dalam memberi hukuman. Pendapat pertama mengatakan: dikenakan had zina iaitu direjam ke atas yang melakukan jika ia seorang yang telah berkahwin manakala disebut dan diasingkan jika ia seorang yang belum berkahwin. Pendapat kedua: hendaklah dibunuh ke atas yang melakukan sama ada ia telah berkahwin atau tidak, sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: sesiapa yang mendatangi binatang adalah dibunuh yang melakukannya dan binatang tersebut. Pendapat yang ketiga iaitu pendapat yang paling sahih bahawa : sesungguhnya yang melakukannya hendaklah dikenakan denda sebagai satu tegahan. Mereka menghukumkan lemah sanad terhadap hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās di atas dan terdapat hadis yang bermaksud : sesungguhnya Rasulullah

---

<sup>245</sup> *Ibid.*, h. 366

s.a.w. melarang menyembelih binatang melainkan untuk dimakan.”<sup>246</sup>

Dalam contoh di atas al-Khaṭīb telah menyatakan pendapat yang paling rajih iaitu pendapat yang ketiga dengan menggunakan kalimah *asaḥḥa* (أصح).

- iii- (طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ) *al-tā'ifah* adalah satu kumpulan yang mungkin boleh menjadi satu halaqah sekurang-kurangnya mengandungi tiga atau empat orang. Daripada Ibn ‘Abbās dalam tafsirannya: *al-Tā'ifah* ialah antara empat hingga empat puluh orang lelaki yang *muṣaddiqūn*, daripada al-Ḥasan: sepuluh orang, daripada Qatādah : tiga orang, daripada Ikrimah : dua orang, daripada Mujāhid : sekurang-kurangnya seorang, dan ada yang mengatakan : cukup dua orang. Lebih afdal atau baik pendapat daripada Ibn ‘Abbās kerana empat orang adalah satu kumpulan yang boleh mensabitkan zina.<sup>247</sup>

Dalam contoh di atas, al-Khaṭīb telah merajihkan pendapat Ibn ‘Abbās.

- iv- ”... ulamak telah berselisih dalam isu penerimaan terhadap persaksian yang menuduh (zina) selepas ia bertaubat. Adanya pengecualian terhadap ayat yang telah disebutkan iaitu dalam firman Allah (إِلَّا الَّذِينَ (تَابُوا) iaitu mereka berpaling daripada apa yang mereka tuduh dan menyesal di atas perbuatan mereka serta berazam untuk tidak mengulanginya. (مِن بَعْدِ ذَلِكَ) iaitu perkara yang wajib dijauhi oleh mereka. Maka telah berpendapat satu pihak bahawa yang menuduh adalah ditolak persaksiannya kerana dia telah melakukan tuduhan palsu, namun apabila dia bertaubat dan memperbaiki keadaannya sebagaimana firman Allah (وَأَصْلِحُوا), iaitu selepas bertaubat beberapa tempoh lamanya dianggap keadaannya adalah lebih baik. (فَإِنَّ اللَّهَ) iaitu Allah

<sup>246</sup> *Ibid.*, h. 367.

<sup>247</sup> al-Khaṭīb al-Syirbīnī (2004), *op.cit.*, h. 368.

memiliki sifat kesempurnaan, (عَفُور) iaitu Allah menutup aib mereka ke atas apa yang telah mereka lakukan, (رَحِيمٌ) iaitu Allah telah memberi kemuliaan dengan menerima persaksian mereka. Dan persaksian mereka diterima sama ada sebelum atau selepas berlakunya hukuman ke atas mereka dan hilanglah gelaran fasik ke atas mereka. Pihak ini berpendapat : pengecualian ini memalingkan mereka daripada penolakan persaksian dan juga dari gelaran fasik. Pendapat ini diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar, Ibn ‘Abbās dan kebanyakan para sahabat dan juga pegangan Imam Malik dan Shafi‘i. Pendapat kedua pula mengatakan bahawa persaksian yang membuat tuduhan palsu tidak akan diterima selama-lamanya walaupun ia bertaubat. Bagi golongan ini ayat pengecualian tersebut adalah merujuk kepada ayat (وَأُولَئِكَ هُمُ الْفٰسِقُونَ) sahaja. Ini adalah pendapat al-Nakhā‘ī dan Shurayh. *Ashab al-Ra’y* berpendapat bahawa tidak ditolak persaksian mereka sekiranya belum berlaku hukuman. Al-Syafe’i meyangkal pendapat ini dan berkata bahawa: hukuman yang dikenakan adalah sebagai penebus dosa (*kafarah*), bagaimana pula persaksiannya ditolak dalam keadaannya lebih baik? Al-Sha‘bī pula berpendapat bahawa had *qazaf* gugur kerana taubat.<sup>248</sup>

- v- ” (إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا) iaitu perhiasan yang zahir. Telah berselisih ahli-ahli ilmu dalam memberi makna perhiasan zahir ini. Pendapat Sa‘īd bin Jabīr dan kumpulannya : perhiasan itu ialah muka dan dua tapak tangan. Ibn Mas‘ūd r.a. pula berpendapat ia ialah pakaian. Pendapat Ibn ‘Abbas r.a. ialah ia adalah mata yang bercelak, cincin dan warna pada tapak tangan dan harus *ajnabi* melihatnya jika tidak ditakuti akan berlaku fitnah”<sup>249</sup>.

Jika diperhatikan daripada contoh-contoh di atas, kebiasaanya al-Khaṭīb al-Shirbīnī akan menggunakan kalimah *ikhtilāf* yang menunjukkan adanya perselisihan antara ulamak. Beliau juga adakalanya menyebut nama ulamak dan kemudian mengemukakan pendapat mereka seperti dalam contoh (iii), (iv)

<sup>248</sup> *Ibid.*, h. 371.

<sup>249</sup> *Ibid.*, h. 394.

dan (v). Seterusnya tidak semua perselisihan ulamak dirajihkan, hanya pada contoh (ii) dan (iii) sahaja yang dirajihkannya.

d) Perbincangan meluas dalam sesuatu hukum.

Dalam kajian penulis, pentafsiran berdasarkan perbincangan hukum fiqh oleh al-Khaṭīb tidak hanya berkisar tentang hukum asal tetapi beliau meluaskannya hingga meliputi cabang-cabangnya. Contohnya ialah:

i- Ketika membawa perbincangan tentang hukum zina, beliau juga mengemukakan isu liwat. Contoh tafsirannya ialah:

”Mengikut al-Shāfi‘ī hukum kepada liwat ada dua pendapat dan kedua-duanya benar iaitu yang melakukan jika ia telah berkahwin maka hendaklah direjam jika belum berkahwin hendaklah disebat 100 kali dan diasingkan setahun. Adapun yang kena buat (mangsa) hendaklah disebat dan diasingkan. Pendapat yang kedua: dibunuh yang melakukan dan mangsa sama ada telah berkahwin atau tidak”.<sup>250</sup>

ii- Membincangkan secara meluas tentang hukum zina dan meletakkannya di ruangan *tanbīh* (perhatian). Antara perbincangannya termasuklah alat yang digunakan untuk memukul, bahagian badan yang dibolehkan dipukul, cara menghukum wanita hamil dan orang sakit yang telah melakukan zina dan urusan yang perlu diselesaikan ke atas penzina yang mati ketika dihukum.<sup>251</sup>

---

<sup>250</sup> *Ibid.*, h. 366.

<sup>251</sup> *Ibid.*, h. 368.

- iii- Ketika membincangkan tentang hukum *li'ān*, beliau juga menjelaskan bagaimana cara-cara dan syarat-syarat *li'ān*.<sup>252</sup>
- iv- Ketika membincangkan tentang hukum menjaga pandangan (*ghaḍḍ al-baṣar*), beliau membincangkan juga perkara lain seperti aurat antara lelaki dan lelaki, aurat antara lelaki dan perempuan, aurat antara perempuan dan perempuan, memisahkan antara anak perempuan dan lelaki dari tempat tidur dan hukum berjabat tangan.<sup>253</sup>

#### 4.3 Perbezaan al-Khaṭīb Dengan Ahli Tafsir Yang Lain

Penulis cuba membandingkan metode pentafsiran al-Khaṭīb dengan ahli tafsir yang lain khususnya yang berkaitan dengan pentafsiran ayat-ayat hukum. Antara ahli tafsir yang menjadi perbandingan ialah al-Jaṣṣāṣ, al-Kiyā al-Harrāsī dan al-Qurṭubī. Dalam mukadimah kitab tafsir, al-Qurṭubī telah menyebut corak penulisannya dan syarat-syarat tafsirannya. Antara kata-katanya ialah:

”....Kitab Allah merupakan kesempurnaan semua ilmu syarak yang terdiri daripada yang sunnah dan yang fardu. Ia diturunkan oleh Yang Maha Mulia di langit kepada yang mulia di bumi. Aku berpendapat untuk menyibukkan umurku dan mengisi masa lapangku dengan kekuatanku supaya aku menulis tentang tafsir, bahasa-bahasanya, *i'rabnya*, *qirā'atnya*, bantahan terhadap orang yang menyeleweng dan sesat, hadis-hadis tentang hukum-hukum dan sebab turunnya ayat.....dan syarat-syarat dalam kitab ini ialah memelihara pendapat-pendapat orang lain dan hadis-hadis yang telah ditulis.....”<sup>254</sup>

<sup>252</sup> *Ibid.*, h. 374.

<sup>253</sup> *Ibid.*, h. 395.

<sup>254</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j.2., h. 496

Menurut Imam al-Dhahabī, ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum, tidak kelihatan ke atas al-Qurtubī sebagai seorang yang taksub kepada mazhabnya, bahkan beliau akan membawa dalil-dalil setiap pendapat seseorang ulamak sehingga kelihatan benarnya pendapat tersebut.<sup>255</sup> Oleh itu sifat ketidaktaksuban ini sama seperti yang ada pada al-Khaṭīb.

Berbeza dengan sifat taksub mazhab yang ada pada al-Jaṣṣāṣ dan al-Kiyā al-Harrāsī. Kedua-dua ahli tafsir ini sangat kelihatan sifat taksub dalam tafsiran mereka. Menurut al-Dhahabī, al-Jaṣṣāṣ menyeleweng ketika menta'wilkan sebahagian ayat dengan tujuan untuk memenangkan mazhabnya dan menjadikan sesuatu yang tidak saleh terhadap pihak yang selainnya. Menurutnyanya lagi, apabila membaca kitab tafsir al-Jaṣṣāṣ terasa sangat ruh taksub pada kebanyakan pendapatnya. Ketaksuban al-Jaṣṣāṣ ini nampak apabila ia melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak soleh terhadap Imam al-Shāfi'ī dan imam-imam yang berbeza pendapat dengan imam mazhabnya.<sup>256</sup>

Begitu juga dengan sifat taksub yang ada pada al-Kiyā al-Harrāsī. Sifat taksubnya sama seperti al-Jaṣṣāṣ. Beliau mentafsirkan ayat-ayat hukum sesuai dengan kaedah mazhab al-Shāfi'ī dan beliau juga menyerlahkan kata-kata yang tidak saleh terhadap pihak yang berbeza pendapat dengan imam mazhabnya.<sup>257</sup> Dalam mukadimah kitab tafsir al-Kiyā al-Harrāsī jelas menunjukkan sifat taksubnya ini dan mempertahankan kaedah al-Shāfi'ī. Antara kata-katanya ialah:

”Sesungguhnya mazhab al-Shāfi'ī r.a. adalah sebenar-benar mazhab dan sebaik-baik mazhab, sebaik-baik panduan dan sebaik-baik hukum. Sesungguhnya kebanyakan pandangan al-Shāfi'ī dan perbahasannya menaikkan darjah dari *zan* ke darjah hak dan yakin. Ini kerana al-

---

<sup>255</sup> *Ibid.*

<sup>256</sup> *Ibid.*, h. 478.

<sup>257</sup> *Ibid.*, h. 480.

Shāfi'ī membina mazhabnya berdasarkan kitab Allah yang tidak ada kebatilan. Sesungguhnya beliau mengetahui makna-makna al-Quran dengan mendalam dan kemampuannya sampai untuk mengeluarkan apa yang ada di dalam al-Quran. Sesungguhnya Allah membukakan bagi beliau pintu-pintu-Nya, mempermudah ke atas beliau, mengangkat hijab ke atas beliau apa yang tidak dipermudahkan kepada selain daripada beliau..”<sup>258</sup>

Dalam tafsirannya, al-Kiyā al-Harrāsī seringkali mengkritik al-Jaṣṣāṣ sebagai satu balasan kepada al-Jaṣṣāṣ yang juga mengkritik imam mazhabnya. Contohnya, kata-kata al- Kiyā al-Harrasi:

”Dan pelik terhadap al-Rāzī yang telah berkata dalam *Aḥkām al-Qur’ān*... Lalu kami nukilkan kalam ini dengan lafaznya dan menyebut selepasnya kalimah-kalimah yang mudah. Kemudian kami nukilkan hujah-hujah al-Shāfi'ī melalui hadis yang diriwayatkan oleh al-Daylamī dan al-Hārith bin Qis dan berkata:... Kami nukilkan bahagian ini dengan kata-katanya dan rasa pelik dengan kejahilannya. Dan sesungguhnya bertentangan awal kata-katanya dengan yang akhir dan berlainan antara yang awal dengan yang akhir dalam sesuatu perkara”<sup>259</sup>

Dalam tafsiran di atas, al-Rāzī adalah merujuk kepada al-Jaṣṣāṣ dan dalam tafsiran di atas juga al-Kiyā al-Harrāsī merasa pelik dengan kata-kata al-Jaṣṣāṣ dan kejahilannya. Ini adalah satu kritikan kepada al-Jaṣṣāṣ.

Kesimpulannya, jika dibandingkan dengan ahli tafsir yang dinyatakan di atas, maka al-Khaṭīb al-Shirbīnī adalah mirip kepada sifat al-Qurṭubī yang tidak taksub kepada mazhab. Seterusnya beliau berlainan dan berbeza dengan al-Kiyā al-Harrāsī yang mempunyai sifat taksub kepada mazhab walaupun mereka berpegang pada mazhab yang sama.

---

<sup>258</sup> *Ibid.*, h. 481.

<sup>259</sup> al- Kiyā al-Harrāsī (2001), *Aḥkām al-Qur’ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1-2, h. 403.

#### 4.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah menggabungkan pentafsiran secara *al-Ma'ṭhur* dan pentafsiran secara *al-Ra'y* ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Beliau menggunakan *uslūb tahlīlī* dalam pentafsiran keseluruhan setiap surah. Hasil daripada penelitian dan kajian penulis terhadap metodologi tafsir al-Shirbīnī, kitab tafsir ini merupakan kitab yang mudah difahami dan dibaca. Banyak aspek ilmu yang boleh diperolehi di sini seperti ilmu *qirā'at* al-Quran, nahu bahasa Arab, dan ilmu fiqh. Kepelbagaian ilmu yang ada dalam tafsir ini menjadikan ianya istimewa dan sesuai dibaca oleh orang ramai.

Al-Khaṭīb adalah seorang yang menguasai bidang fiqh terutamanya fiqh al-Shāfi'ī. Dalam kebanyakan tafsiran ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr, beliau tidak terlepas membincangkan masalah-masalah fiqh dengan mendatangkan pendapat-pendapat daripada ulamak mazhabnya dan juga ulamak-ulamak yang lain. Istimewanya ialah beliau bukan seorang yang taksub mazhab dan apabila membaca tafsiran terhadap ayat-ayat hukum tidak terasa ruh taksub ini.